

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina Jalan Nanga Gaat ke Rumah Gare, Nanga Kain, Baleh, Kapit, Jalan Nanga Mujong ke Bandar Baru Tunoh, Baleh, Kapit dan Jalan ke Ulu Jelalong, Tubau, Bintulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina Jalan Nanga Gaat ke Rumah Gare, Nanga Kain, Baleh, Kapit telah diluluskan di bawah tajuk "Membina Jalan Ng Gaat/ Ng Sebiro/ Rh Tungku Sg. Gaat, Bahagian Kapit, Sarawak" dengan kos keseluruhan berjumlah RM180.0 juta. Projek ini telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua belas (RP-1, RMKe-12) Tahun 2021. Skop projek yang diluluskan adalah membina jalan sepanjang membina jalan sepanjang 30km standard JKR R1 termasuk tiga (3) buah Jambatan. Status semasa projek ini adalah sedang di dalam peringkat pelantikan perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur, Perunding Alam Sekitar dan Jurukur tanah. Projek ini dijangka tender pada bulan Ogos tahun 2022.

Manakala, Projek Membina Jalan Dari Rumah Timothy, Nanga Mujong Ke SK Nanga Tiau, Sg Mujong, Kapit, Sarawak telah dipohon di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2, RMKe-12) Tahun 2022. Skop projek yang dimohon adalah Membina Jalan Sepanjang 22km Dengan Standard JKR R1 dan 4 Buah Jambatan. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek Jalan ke Ulu Jelalong, Tubau, Bintulu tiada di dalam Senarai Keutamaan Negeri yang telah dikemukakan kepada pihak Kementerian. Sehubungan itu, sekiranya terdapat keperluan mendesak bagi melaksanakan jalan tersebut, kerjasama Yang Berhormat adalah dipohon bagi mengemukakan permohonan tersebut kepada Unit Perancang Negeri (EPU) Sarawak untuk dimasukkan ke dalam Senarai Keutamaan Negeri sebelum diangkat kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) bagi kelulusan di bawah *Rolling Plan* berikutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB KARUPAIYA A/L MUTUSAMI (PADANG  
SERAI)**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan akan isu berkaitan sijil kelahiran dan kewarganegaraan. Pada masa ini didapati permohonan tidak dapat diselesaikan memandangkan ramai kakitangan berkaitan masih dalam fasa "*Work from home*". Mohon berikan penjelasan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan pengumuman pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) di seluruh negara dan bagi mengimbangi penyampaian perkhidmatan yang optimum kepada rakyat dan pencegahan penularan wabak COVID-19 di tempat bertugas, Kerajaan telah menetapkan bahawa pengoperasian pejabat-pejabat Kerajaan dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR). Walau bagaimanapun, perkhidmatan-perkhidmatan teras Kementerian melalui JPN terus diberikan kepada rakyat melalui inisiatif berikut:

- i) Bagi perkhidmatan kaunter yang tidak boleh dilaksanakan secara atas talian, **JPN telah membangunkan satu sistem yang dinamakan Sistem MyJanjiTemu** untuk memudahkan orang ramai mendapatkan slot tempahan janji temu sebelum datang berurusan di kaunter JPN. JPN juga telah meningkatkan kapasiti pengoperasian kaunter sehingga 50% bagi tujuan kelancaran urusan di kaunter JPN.
- ii) JPN juga memberi kelonggaran bagi mana-mana pendaftaran kelahiran biasa dan pendaftaran kelahiran yang memasuki fasa daftar lewat dalam tempoh PKP **dengan memanjangkan tempoh pendaftaran sehingga 90 hari selepas tamat tempoh PKP.**